

Satu langkah ke belakang: Pengamal adat

Oleh

BUSTAMAM AHMAD

17/12/86

SEREMBAN, Selasa — Pengamal-pengamal adat tempatan hari ini menyifatkan penggantungan jawatan Datuk Seri Maharaja Diraja yang disandang oleh Datuk Azman Jamalus sebagai 'satu langkah ke belakang' dalam menyelesaikan krisis perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Mereka berpendapat penggantungan jawatan itu sudah pasti akan menjejaskan usaha yang sedang dijalankan oleh Anak-Anak Waris di Darat daripada Perut Ulu

dan Hilir untuk menamatkan krisis itu yang sudah berlarutan lebih tiga tahun.

Bagaimanapun, mereka tidak mempertikalkan penggantungan itu kerana ia hak mutlak Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan selaku 'Tunggak Waris di Alir'.

"Oleh kerana jawatan Datuk Seri Maharaja Diraja bertaraf Lembaga dan penyandanganya juga salah seorang daripada empat Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong, maka penggan-

tungan jawatan itu sudah pasti akan menjejaskan pentadbiran adat di luak ini.

"Tambahan pula Anak-Anak Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hilir sedang berusaha mencari calon yang layak bagi mengisi kekosongan jawatan Datuk Kelana ke-10.

"Sekarang terpulanglah kepada budibicara Datuk Shahari selaku Tunggak Waris di Alir untuk membuat keputusan mengenai kedudukan Datuk Azman," kata jurucakap mereka kepada *Berita Harian* di sini.

Datuk Azman digantung daripada jawatannya kerana beliau dikatakan membabitkan dirinya secara langsung dalam urusan perlantikan Datuk Kelana ke-10 serta 'membelakangkan' Datuk Shahari selaku 'Tunggak Waris di Alir'.

Jurucakap itu menjelaskan, penggantungan jawatan berkenaan mungkin boleh menimbulkan perpecahan di kalangan Anak-Anak Waris di Alir daripada empat Perut jika ia tidak dapat diselesaikan dengan segera.

Ini, katanya, kerana jawatan Datuk Seri Maharaja Diraja adalah pesaka bergilir di kalangan Anak-Anak Waris di Alir daripada Perut Nenek Sulong, Susu Dara, Susu Ganda dan Susu Tunggai.

Datuk Azman daripada Perut Nenek Sulong yang juga dikenali sebagai Perut Datuk Bandar Haji Ahmad.

Sementara itu, seorang Anak Waris di Alir daripada Perut Nenek Sulong mendakwa perlantikan Datuk Azman sebagai penyandang pesaka Datuk Seri Maharaja Diraja tidak mendapat kebulatan daripada Anak-Anak Waris daripada empat Perut berkenaan.